



PUAS HATI... peserta bergambar kenangan selepas program selesai.

Siswa UPM tabur bakti

BERDASARKAN pengalaman dan teori yang dipelajari di kelas, sekumpulan 15 pelajar Sarjana bagi kursus Strategi Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Sehari Bersama Penduduk Orang Asli Dari Suku Temuan, Kampung Gurney, Ulu Yam, Selangor.

Bermula dengan proses memohon kebenaran dan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali dan seterusnya berurusan sendiri dengan masyarakat Orang Asli di perkampungan itu, segala aspek komunikasi dipergunakan sepenuhnya pelajar terbabit.

Hasilnya, mereka dapat bergaul mesra dengan masyarakat Orang Asli di per-

kampungan itu.

Jurucakap program, Jamilah Hashim, berkata masyarakat Orang Asli di perkampungan itu masih diselubungi perasaan malu apabila bergaul dengan masyarakat luar dan ia punca mereka tersisih.

Bagaimanapun, katanya, sepanjang program berlangsung, melalui komunikasi berkesan, penduduk Orang Asli akhirnya menjadi lebih mesra dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan.

"Mula-mula, sukar untuk memberi arahan kepada mereka kerana faktor bahasa dan sifat malu yang dimiliki, tetapi kami tetap berusaha dengan menggunakan pelbagai kaedah komunikasi yang akhirnya menimbulkan suasana mesra di kalangan peserta dan penduduk.

"Hasilnya, segala aktiviti yang diadakan seperti perlawanan sepak takraw dan sukaneka mendapat sambutan di luar dugaan dan mereka berusaha dalam memainkan fungsi untuk setiap acara yang disertai tanpa terlalu memikirkan menganai hadiah.

"Selepas kehadiran kami, penduduk Orang Asli lebih berkeyakinan untuk bercampur gaul dengan masyarakat luar," katanya.

Sementara itu, pengarah program, Ishak Ismail, berkata selain memenuhi keperluan kursus, projek seumpama itu mampu memberi pendedahan kepada pelajar universiti mengenai kehidupan sebenar masyarakat Orang Asli.

Pada masa sama, menurutnya, mereka yang terbabit memberi bantuan melalui sumbangan dan pendedahan yang diberikan.